KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	27/11/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	21
JABATAN	:	JPSM			

HM 27.11.2021_21

Mangrove Point tarikan baharu di Klang

Klang: Bandar Diraja Klang bakal memiliki tarikan baharu buat pencinta alam apabila taman paya bakau berkonsepkan biofilia akan dibuka tahun hadapan.

Taman paya bakau dikenali sebagai Mangrove Point dengan keluasan 28.33 hektar (70 ekar) itu terletak berhampiran Royal Selangor Yacht Club di Pelabuhan Klang.

Mangrove Point cukup unik kerana ia taman pertama di Malaysia direka berdasarkan konsep biofilia, yang memperlihatkan jalinan hubungan antara manusia dan alam semula jadi.

Malah pengunjung juga berpeluang memancing, bersiar-siar, berkhemah dan menaiki teksi sungai untuk ke taman apabila jeti siap dibina kelak.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Izham Hashim, pendekatan biofilia untuk taman itu mendapat pengiktirafan Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM) dalam kategori Analisis Landskap dan Anugerah Kajian pada April 2019.

Malah, katanya, Mangrove Point adalah taman paya bakau pertama yang diuruskan secara teratur dengan pelbagai kemudahan awam dan kemudahan rekreasi.